

► Tatabahasa

Kenal pasti jenis kata bagi perkataan yang bercetak tebal sama ada kata bantu, kata penegas, atau kata arah. Kemudian, bulatkan jenis kata yang betul. **SP 5.1.3**



Pada setiap petang, Haidar **akan** membantu ibunya di kebun getah yang terletak di **belakang** rumah mereka. Ada kalanya, dia dan adiknya akan berjalan di sekitar pekan untuk mencari tin dan botol kosong **juga**. Tin dan botol kosong itu akan dijual di kedai barangan kitar semula. Sumber itu **sahaja** mata pencarian keluarga Haidar semenjak ayahnya tiada.

Pada suatu hari, ketika Haidar sedang mencari tin dan botol kosong, dia terjumpa sebuah dompet di **bawah** timbunan sampah. Di dalam dompet itu terdapat beberapa keping wang RM100, kad bank, dan kad pengenalan diri.

Setelah sampai di rumah, Haidar menunjukkan dompet itu kepada ibunya. Ibu Haidar segera membawa Haidar ke balai polis untuk melaporkan penemuan dompet itu. Setelah membuat siasatan, pihak polis **dapat** mengesan pemilik dompet itu dengan pantas. Pihak polis mengucapkan terima kasih kepada Haidar kerana bersikap jujur dan amanah.

1 akan	kata bantu	kata penegas
2 belakang	kata penegas	kata arah
3 juga	kata bantu	kata penegas
4 sahaja	kata penegas	kata bantu
5 bawah	kata penegas	kata arah
6 dapat	kata bantu	Kata penegas

Nota Tatabahasa

Kata Bantu

- Contoh kata bantu:
akan, belum, dapat, harus, hendak, mahu, masih, mesti, mungkin, pernah, sedang, sudah, telah

Kata Penegas

- Contoh kata penegas:
hanya, juga, -kah, lagi, -lah, memang, pula, pun, sahaja

Kata Arah

- Contoh kata arah:
atas, bawah, belakang, dalam, hadapan, kanan, kiri, luar, sebelah, sisi, tepi, utara